

**KAJIAN ISU-ISU SOSIO-EMOSI DALAM KALANGAN
PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT DI MALAYSIA**
*STUDY ON SOCIO-EMOTIONAL ISSUES
AMONG GIFTED AND TALENTED STUDENT IN MALAYSIA*

Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak,
Jamaliah Hamdan, Aishah Hassan, Afifah Mohd Radzi, Tengku Elmi Azlina Tengku Muda

rorlinda@ukm.edu.my, norwmu@ukm.edu.my, lynn160586@yahoo.com
afifahradzi@ukm.edu.my, s.aishah@ukm.edu.my, elmiazlina@ukm.edu.my

Pusat PERMATApintarTM Negara Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Isu berkaitan penyesuaian sosio-emosi adalah sinonim dengan pelajar pintar dan berbakat. Keadaan ini mempunyai kaitan dengan ketidakselarasan perkembangan psikologi atau dikenali sebagai *asynchronous development*, yang boleh melambatkan proses perkembangan pelajar pintar dan berbakat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap dan profil tekanan sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di Pusat PERMATApintar Negara UKM. Seramai 194 orang pelajar dari Pusat PERMATApintar Negara (PPpN) UKM telah dipilih secara rawak untuk memberi respon kepada Instrumen Isu Tekanan Sosio-emosi yang mengandungi 60 item. Pelajar memberi respon menggunakan skala likert 5-mata. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan skor min pemboleh ubah yang dikaji (SPSS versi 19.0). Hasil dapatan menunjukkan secara keseluruhan min isu tekanan sosio-emosi adalah pada tahap sederhana (2.71, nilai sp: 7.39). Daripada sepuluh komponen isu sosio-emosi yang dikaji, dua komponen didapati memperoleh skor min yang tinggi iaitu tekanan emosi keadilan sosial (4.13) dan kesempurnaan (3.12). Manakala skor komponen yang lain seperti tekanan kebimbangan, penangguhan, motivasi, emosi, konsep sendiri, tekanan sosial, *underachiever*, dan tekanan hubungan keluarga adalah pada tahap sederhana. Hasil kajian menunjukkan kepentingan peranan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam membantu perkembangan pelajar pintar dan berbakat, khususnya dalam menangani isu-isu sosio-emosi.

Kata Kunci: isu-isu psikologi, tekanan sosio-emosi, pelajar pintar dan berbakat, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

ABSTRACT

Socio-emotional issues are synonym with gifted and talented children. This is related to an uneven psychological development known as asynchronous, that will delay the growth of gifted and talented children. Therefore, this study aims to identify the level of socio-emotional issues among gifted and talented students at Pusat PERMATApintar Negara UKM. 194 students from PERMATApintar National Gifted Centre University Kebangsaan Malaysia are randomly selected to respond to the Socio-Emotional Issues Instrument, comprises of 60 items, using the 5-point Likert scale. Descriptive statistical analysis is used to determine the mean score of the studied variable (SPSS version 19.0). The result shows that mean of socio-emotional issues is moderate (2.71, sp value: 7.39). From ten components of socio-emotional issues studied, two components were found to have a higher mean; social justice (4.13) and perfectionism (3.12). Meanwhile, mean of other components such as anxiety, procrastination, motivation, emotion, self-concept, social pressure, underachievement, and family relationship are at a moderate level. The results of this study showed the important role of guidance and counselling services in a gifted educational program especially in helping the gifted learners coping with social emotional issues.

Keywords; *psychological issues, social emotional, gifted and talented, guidance and counselling services.*

1.0 PENGENALAN

Kajian tentang pelajar pintar dan berbakat (PPB) semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan. Namun kebanyakan kajian ke atas PPB tertumpu kepada membincangkan aspek kualiti kognisi dan mengabaikan aspek keperluan sosial dan emosi mereka. Kualiti PPB pula dikaitkan dengan sifat-sifat peribadi pelajar itu sendiri dalam memimpin dirinya dan orang lain (Karnes dan Bean 1990; Sternberg 2005). Sehubungan itu, kecenderungan terkini dalam dunia penyelidikan PPB mula melihat kepada kebolehan PPB dalam menangani risiko dan penyesuaian masalah yang dihadapi. Hasil kajian literatur mendapati penyesuaian sosial dan emosi PPB adalah berkaitan rapat dengan jenis kepintaran, penyesuaian pendidikan, dan ciri-ciri peribadi khususnya elemen afektif atau perasaan (Versteynen 2013). Malah, pelajar yang mempunyai tahap kepintaran yang tinggi didapati lebih terdedah kepada risiko isu-isu emosi dan didapati cenderung kepada risiko pengasingan psikososial (Roedell 1986). Jurang di antara tahap perkembangan kognisi dengan perkembangan sosio-emosi yang besar akibat daripada faktor *asynchronous development* menjadikan PPB menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri dalam persekitaran rakan sebaya. Sehubungan itu, Fogarty (1998) menyarankan agar kajian mengenai PPB harus melihat pada aspek kemahiran mengurus emosi dan kemahiran penyesuaian sosial. Hal ini disebabkan oleh PPB dilihat sebagai kumpulan berisiko dalam aspek pembangunan sosio-emosi (Manaster & Powell, 1983, Bellamy, et.al. 2005).

1.1 Pernyataan Masalah

Pelajar Pintar dan Berbakat menghadapi perasaan yang berbeza pada masa-masa tertentu, khususnya apabila mereka cuba ingin menjadi seperti individu lain supaya diterima dalam hubungan sosial, terutamanya dengan rakan sebaya di sekolah (Gross 1998). Ini bermakna kecenderungan PPB untuk berubah dari aspek perkembangan identiti diri adalah tinggi bagi tujuan penyesuaian sosial. Hasil kajian Keen (2005) dan Kirby dan Townsend (2001) melaporkan ada terdapat PPB yang menghadapi kebimbangan dalam membina hubungan rakan sebaya dan bertarung untuk diterima dalam kumpulan atau persekitaran. Hal ini telah membentuk tekanan yang sangat tinggi dalam kalangan PPB di sekolah. Akibat daripada persekitaran yang tidak menyokong, disamping konsep sendiri yang rendah boleh menghalang proses perkembangan potensi PPB ke tahap yang maksimum (Lovecky, 1992; Rosadah, 2003; Abu Yazid dan Aliza, 2009; Aliza dan Hamidah, 2009; Scott, 2012; Verstenyenen, 2014).

Beberapa kajian penilaian terdahulu telah cuba menilai tentang keupayaan PPB menyelesaikan masalah penyesuaian diri. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan masalah penyesuaian adalah berpunca daripada isu-isu sosio-emosi. Rosadah (2003), misalnya telah mendapati bahawa PPB mempunyai potensi kepimpinan yang lebih tinggi berbanding pelajar pencapaian sederhana. Namun, mereka turut didapati mengalami masalah isu-isu sosio-emosi yang boleh menjejaskan perkembangan potensi kepimpinan yang dimiliki. Antara isu-isu sosio-emosi yang dialami PPB adalah seperti; masalah ketegangan emosi (*emotional intensity*), kesempurnaan yang keterlaluan (*perfectionism*), kebimbangan yang tinggi, sensitiviti yang tinggi, keterujaan yang melampau (*overexcitability*), kepekaan terhadap keadilan sosial yang tinggi, kritik diri yang tinggi, kesukaran mengadaptasi ke suasana baharu, dan kurang kemahiran penyesuaian sosial dan berkomunikasi (Abu Yazid & Noriah, 2016; Rosadah, 2003).

Hasil kajian dalam negara ini didapati selaras dengan dapatan kajian PPB yang terdahulu oleh Clark (1992) dan Silverman (1994). Mereka telah menyenaraikan beberapa ciri-ciri afektif yang berkaitan atau boleh menyumbang kepada timbulnya isu-isu sosio-emosi PPB. Antaranya termasuk; aspek kematangan pertimbangan moral, kesedaran sendiri yang tinggi, sensitiviti yang sangat tinggi terhadap ekspektasi dan perasaan orang lain, kesempurnaan yang tinggi (*perfectionist*), introversi, ekspektasi yang tinggi pada diri sendiri dan orang lain, idealism, daya ingin tahu yang tinggi, semangat keadilan, tahap kedalaman dan keamatan emosi yang tinggi. Menurut Bevan Brown (1993) walaupun bukan semua ciri-ciri tersebut boleh digeneralisasikan kepada semua PPB, namun para penyelidik dan pendidik mendapati bahawa ciri-ciri afektif dan interpersonal tersebut kelihatan lebih kerap terdapat pada PPB berbanding pelajar normal yang lain. Dari aspek interpersonal pula, PPB dikatakan mempunyai sikap rendah diri, keprihatinan yang mendalam pada orang lain, penyayang yang mendalam, melayan, dan adakalanya tidak mementingkan diri sendiri.

Keadaan yang berlaku adalah berpunca daripada faktor-faktor psikologi dan persekitaran seperti; perkembangan menyeluruh yang tidak sekata (*asynchronous development*), ekspektasi tinggi daripada pelbagai pihak, pembelajaran yang tidak mencabar, yang sering membosankan, kesukaran menyesuaikan diri dalam interaksi sosial (Scott 2012, Abu Yazid dan Aliza 2009, Aliza dan Hamidah 2009). Jelas sekali, isu-isu yang dihadapi oleh PPB banyak membabitkan komponen sosio-emosi, yang akan menyumbang kepada rasa rendah diri (konsep sendiri yang rendah), rendah motivasi sendiri, pencapaian di bawah tahap kebolehan (*underachiever*), dan masalah kebimbangan. Kegagalan menangani isu-isu sosio-emosi boleh menjejaskan perkembangan potensi kepintaran PPB yang

semulajadi. Justeru, aspek sosio-emosi perlu dikenalpasti bagi membantu PPB memahami aspek psikologi sendiri. Pengetahuan dan kesedaran psikologi akan dapat menyumbang kepada perkembangan potensi sendiri ke tahap yang maksimum, selaras dengan anugerah kepintaran yang dimiliki.

Sehubungan itu, kajian ini akan melihat tahap dan profil tekanan sosio-emosi dalam kalangan PPB di Pusat PERMATApintar Negara UKM. Prestasi tekanan sosio-emosi dilihat menerusi sepuluh komponen iaitu, tekanan emosi, tekanan motivasi, tekanan konsep diri, tekanan kebimbangan, tekanan kesempurnaan (*perfectionist*), tekanan penangguhan (*procrastinate*), tekanan pencapaian rendah (*underachiever*), tekanan sosial, tekanan keadilan sosial, dan tekanan hubungan keluarga. Kajian ini juga melihat perbezaan pemboleh ubah yang dikaji berdasarkan faktor demografi jantina dan bangsa.

1.2 Objektif Kajian

1.1.1 Menenalpasti profil tekanan sosio-emosi PPB di Pusat PERMATApintar Negara.

1.1.2 Menenalpasti perbandingan min tekanan sosio-emosi mengikut jantina dan bangsa

1.3 Persoalan Kajian

1.2.1 Apakah profil tekanan sosio-emosi PPB di Pusat PERMATApintar Negara?

1.2.2 Apakah perbandingan min tekanan sosio-emosi pelajar mengikut jantina dan bangsa?

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Ciri pelajar pintar dan berbakat (PPB)

PPB merupakan individu yang dilahirkan dengan kemampuan semula jadi yang unik. Kemampuan unik tersebut merujuk kepada kemampuan dalaman yang lahir secara semulajadi atau *innate ability*, yang juga boleh dikaitkan dengan kandungan genetik kekeluargaan (Simonton, 2005). Kemampuan ini adalah dalam pelbagai domain. Kemampuan dalaman yang semula jadi ini boleh dilihat daripada tindakan serta tingkah laku yang berprestasi tinggi, khususnya dalam tingkah laku melibatkan kemahiran kognitif. Ini termasuk kebolehan menaakul, menyelesaikan masalah, dan merancang. Kemampuan kognitif yang baik dipamerkan menerusi kepantasan belajar dan kecekapan dalam mengurus maklumat yang dipelajari.

Individu dianggap sebagai pintar dan berbakat apabila dia mempunyai kemampuan kognitif yang luarbiasa dan boleh menggunakan kemampuan semulajadi itu dengan baik. Dalam kata lain, individu pintar merupakan individu yang berpotensi untuk menjadi cemerlang. Menurut Gagne (2015), individu dianggap sebagai pintar dalam bidang tertentu apabila dia mampu menampakkan potensinya dalam bidang tersebut. Kepintaran yang semulajadi ini, apabila dijana sepenuhnya akan menjadikan individu tersebut cemerlang dan dikenali sebagai individu yang berbakat. Namun, adakalanya individu ini didapati menghadapi situasi di mana dia terhalang atau tidak berpeluang untuk mempamerkan potensi semulajadinya. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor intrapersonal atau persekitaran yang tidak menyokong keperluan perkembangan pembelajarannya (Gagne, 1995). Justeru individu yang terbabit tidak akan mempamerkan sifat pintar dan berbakat sekiranya belum mencapai kesedaran peribadi (seperti; kesedaran fizikal dan psikologikal yang melibatkan elemen motivasi, kemahuan dan personaliti). Sifat pintar dan berbakat hanya akan terserlah apabila individu tersebut mempunyai kesedaran intrapersonal yang tinggi dan berada dalam persekitaran yang menyokong kepada pembangunan potensi dirinya, menerusi pendekatan pembelajaran yang mencabar minda seperti pengayaan, pecutan, dan pemampatan kurikulum.

Renzulli (2005), melihat kanak-kanak pintar dari perspektif Model Tiga Cincin yang meletakkan tiga ciri utama, iaitu kebolehan kognitif luar biasa, komitmen yang tinggi dalam tugas, dan kreativiti yang tinggi. Ciri pintar dan berbakat ini bukan satu sifat yang tetap atau kekal, sebaliknya ciri ini sentiasa berubah mengikut keadaan dan persekitaran yang menyumbang kepada perkembangan kepintaran untuk menjadi individu berbakat. Gardner (1993), pula dalam Teori Kecerdasan Pelbagai melihat kepintaran daripada sembilan ciri kecerdasan iaitu; logik matematik, verbal linguistik, spatial ruang, kinestetik badan, muzik, intrapersonal, interpersonal, naturalis, dan existential. Sousa (2003), seterusnya melihat ciri kanak-kanak pintar dari aspek psikologi yang memfokus kepada aspek kognitif dan metakognitif, iaitu yang melibatkan penggunaan pemikiran aras tinggi dalam proses pembelajaran.

Konsep pelajar pintar dan berbakat menurut Pusat PERMATApintar Negara (PPpN) dilihat dari aspek sikap serta ciri peribadi yang memperkayakan dan menyokong pembangunan aspek kemampuan peribadi yang semula jadi. Individu Pintar dan Berbakat menurut perspektif PPpN ialah individu yang memiliki; (i) kemampuan dalaman yang semula jadi (SJ) dari aspek kemahiran kognitif termasuk kebolehan menaakul, menyelesaikan masalah, dan merancang. Kebolehan kognitif yang baik dipamerkan menerusi kepantasan belajar dan kecekapan mengurus maklumat yang dipelajari; (ii)

berpeluang berada dalam keadaan pintar (KP), di mana individu bukan sekadar mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi malah boleh menggunakan kemampuan tersebut dengan baik, menerusi persekitaran yang sesuai lagi menyokong. Persekitaran yang menyokong melibatkan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mampu mencabar minda seperti pembelajaran pengayaan, pecutan, dan pemampatan kurikulum; dan (iii) sikap serta ciri peribadi yang memuaskan (PM) adalah penting dalam memperkaya dan menyokong pembangunan aspek kemampuan diri yang semula jadi (SJ) yang ada pada diri individu tersebut sehingga berjaya mencapai tahap berbakat. Ciri-ciri tersebut merangkumi sikap mesra masyarakat, cermat dan teliti dalam bertindak. Selain itu, sifat individu ini berupaya mempengaruhi orang lain kerana mempunyai kemahiran daya membujuk, berwibawa kepimpinan, dan mahir berkata-kata yang kesemuanya turut menyumbang kepada pembangunan diri untuk menjadi dia individu pintar dan berbakat (Rosadah, Noriah, Melor, 2009).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pembinaan kualiti peribadi PPB adalah selaras dengan matlamat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang berusaha melahirkan pelajar seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (KPM, 2015). Penyediaan latihan, pengalaman pengayaan, dan persekitaran kondusif amat penting dalam proses pembentukan peribadi PPB. Kemenjadian PPB yang holistik perlu dilihat menerusi tahap kecemerlangan kognitif dan kualiti sahsiah peribadi. Kualiti sahsiah pula diterjemahkan menerusi penghayatan nilai-nilai jati diri yang utuh, yang dapat menjadikan mereka warganegara yang bertanggungjawab, menghargai nilai kemakmuran, dan sentiasa suka untuk menyumbang serta berbakti kepada masyarakat dan negara.

2.2 Isu-isu Sosio Emosi Pelajar Pintar dan Berbakat

Roedell (1986), menyatakan PPB mengalami kesukaran tertentu semasa membesar kerana mereka berbeza dari kanak-kanak lain dari segi bakat. Mereka menjadi tidak menentu terhadap permasalahan hasil daripada kepercayaan dalam persekitaran kepintaran mereka seperti; ekspektasi yang tidak realistik terhadap tingkah laku mereka, tekanan untuk menunjukkan prestasi terbaik, kritikan atau pujian yang berterusan, tekanan untuk mengikut peraturan, dan kesukaran mencari rakan. Silverman (1987), telah menyenaraikan risiko-risiko yang dialami oleh PPB iaitu; keengganan melakukan rutin, tugas yang berulang-ulang, kritikan terhadap orang lain yang tidak sesuai, kekurangan kesedaran mengenai kesan tindakannya pada orang lain (kurang empati), kesukaran menerima kritikan, cuba menyembunyikan bakat untuk menyesuaikan diri dengan rakan-rakan, ketidakpatuhan dan menunjukkan rintangan kepada pihak yang lebih berkuasa.

Seterusnya, kajian Neihart, Reis, Robinson, Moon, (2002) mendapati PPB mengalami isu-isu sosio-emosi seperti kekecewaan, cepat marah, kebimbangan, cepat bosan, dan mengasingkan sosial, pengasingan sosial yang kuat, tekanan stress, sukar membuat persahabatan disebabkan konsep persahabatan yang terkehadapan, kurang motivasi, rendah konsep sendiri, penolakan sosial, kesedaran emosi yang di bawah kebolehan untuk mengawal, kesukaran dengan rakan sebaya yang sekadar tahap IQ, kesepian, kebimbangan, fobia, masalah interpersonal, takut gagal, dan *perfectionist/* kesempurnaan, kemunduran untuk penerimaan sosial, kekurangan daya tahan, peningkatan sikap kesempurnaan dalam kalangan pelajar perempuan, takutkan kegagalan dan mengelak risiko disebabkan inginkan kesempurnaan, dan depresi dalam kalangan PPB yang sangat kreatif. Justeru, ibu bapa dan guru yang memahami akan implikasi sosial dan emosi PPB boleh menyediakan persekitaran yang menerima dan mengajar kemahiran sosial yang dapat menolong PPB menangani kesukaran yang dialami.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian deskriptif ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk melihat tahap jati diri dan tekanan sosio-emosi dalam kalangan PPB. Data diperolehi daripada soal selidik yang terdiri daripada Instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar, yang dibina berdasarkan kajian literatur. Instrumen ini diberi skala Likert 5 dengan menggunakan kadar dari Sangat Tidak Setuju (1) kepada Sangat Setuju (5).

3.2 Sampel Kajian

Soal selidik diedarkan kepada 194 orang pelajar pintar dan berbakat di Pusat PERMATpintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia yang menuntut dalam Program Pendidikan Menengah. Sampel telah dipilih secara rawak mudah. Daripada jumlah tersebut, 80 orang (41.2%) adalah daripada pelajar Tahap 2 (berumur di antara 15 hingga 17 tahun), 80 orang (41.2%) pelajar Tahap 1 (berumur di antara 14 hingga 15 tahun), dan 34 orang (17.5%) daripada pelajar Asas 2 (berumur di antara 12 hingga 14 tahun). 106 orang (54.64%) terdiri daripada pelajar perempuan dan 88 orang (45.36%) pelajar lelaki. Dari segi komposisi kaum, 165 (85.05%) adalah pelajar Melayu, 15 (7.7%) pelajar Cina, 4 (2.1%) pelajar India, dan 10 (5.2%) lain-lain kaum.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar (*ITSeP*) mengandungi sepuluh (10) konstruk/komponen yang menggambarkan tingkah laku tekanan sosio-emosi yang dikaji. Komponen-komponen tersebut ialah tekanan emosi, tekanan motivasi, tekanan konsep sendiri, tekanan kebimbangan, tekanan kesempurnaan (*perfectionist*), tekanan penangguhan (*procrastinate*), tekanan pencapaian rendah (*underachiever*), tekanan sosial, tekanan keadilan sosial, dan tekanan hubungan keluarga. Setiap komponen mengandungi enam item, menjadikan soal selidik ini mengandungi enam puluh (60) item. Respon terhadap item adalah berdasarkan skala *likert* lima mata bermula dengan 1-Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4-Setuju, dan 5-Sangat Setuju. Nilai pekali korelasi kebolehpercayaan instrumen adalah α 0.920. Berdasarkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi ini, instrumen ini sesuai digunakan dan boleh dipercayai untuk memperoleh skor yang stabil daripada responden.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan dengan mengedarkan Instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar (*ITSeP*) kepada sampel kajian semasa sesi pembelajaran kursus Pembangunan Jatidiri yang merupakan kursus wajib bagi pengajian program pendidikan menengah pintar dan berbakat di Kolej PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia.

3.5 Analisis Data

Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 19.0. Analisis deskriptif dan analisis inferensi dilibatkan dalam kajian ini. Analisis deskriptif dijalankan bagi menentukan profil tekanan sosio-emosi pelajar pintar dan berbakat secara keseluruhan dan mengikut jantina dan bangsa.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Apakah tahap tekanan sosio-emosi pelajar Pintar dan Berbakat (PPB) di Pusat PERMATApintar Negara?

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan skor min tekanan sosio-emosi ialah 2.71 (nilai sp: 7.39). Berdasarkan penentuan skala tahap rendah (1.00 – 2.33), sederhana (2.34 – 3.66), dan tinggi (3.67 – 5.00). Skor min tekanan sosio-emosi berada pada tahap **sederhana**.

Jadual 1: Tahap Tekanan Sosio Emosi Pelajar Pintar Dan Berbakat

Pembolehubah	n	Min	Sisihan piawai
Tekanan sosio-emosi	194	2.71	6.39

4.2 Apakah perincian tahap tekanan sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat

Perincian dapatan tekanan sosio-emosi (Jadual 2) menunjukkan 18 orang (9.28%) PPB yang dikaji berada pada tahap tinggi (min 3.67-5.00), 130 orang (67.01%) berada pada tahap sederhana (min 2.34-3.66), dan 46 orang (23.71%) berada pada tahap rendah (min 1.00-2.33). Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan PPB mempunyai tahap tekanan sosio-emosi yang sederhana, diikuti dengan tahap tinggi, dan sebahagian kecil mengalami tekanan sosio-emosi yang tinggi.

Jadual 2: Perincian Tahap Tekanan Sosio Emosi Pelajar Pintar dan Berbakat

Pembolehubah	n	Tahap	Kekerapan	Peratus	
Tekanan sosio-emosi	194	Rendah	1.00 -2.33	46	23.71
		Sederhana	2.34 -3.66	130	67.01
		Tinggi	3.67 – 5.00	18	09.28

4.3 Apakah profil tekanan isu emosi PPB di Pusat PERMATApintar Negara?

Jadual 3 menunjukkan analisis dapatan profil Tekanan Sosio-emosi PPB. Daripada sepuluh komponen tekanan yang dikaji, data menunjukkan tekanan keadilan sosial mempunyai min yang tertinggi iaitu 4.13, diikuti dengan tekanan kesempurnaan atau *perfectionist* (min=3.12), tekanan kebimbangan (min= 2.79), tekanan penangguhan / *procrastinate* (2.78), tekanan motivasi (min = 2.71), tekanan emosi (min=2.68), tekanan konsep diri (min=2.57), tekanan sosial (min=2.14), tekanan *underachiever* (min=2.11), dan tekanan hubungan keluarga (min=2.09).

Jadual 3: Profil Tekanan Sosio-emosi PPB di Pusat PERMATApintar Negara UKM

Bil.	Tekanan Sosio-emosi	Min	Sisihan piawai
1	Tekanan Emosi	2.68 (6)	0.769
2	Tekanan Motivasi	2.71 (5)	0.835
3	Tekanan Konsep Kendiri	2.57 (7)	0.805
4	Tekanan Kebimbangan	2.79 (3)	0.897
5	Tekanan Kesempurnaan	3.12 (2)	0.704
6	Tekanan Penangguhan	2.78 (4)	0.898
7	Tekanan <i>Underachiever</i>	2.11(9)	0.724
8	Tekanan Sosial	2.14 (8)	0.849
9	Tekanan Keadilan Sosial	4.13 (1)	0.574
10	Tekanan Hubungan Keluarga	2.09 (10)	0.797

4.4 Apakah perbandingan min tekanan sosio-emosi mengikut jantina dan bangsa?

Jadual 4 menunjukkan min tekanan sosio-emosi pelajar lelaki didapati lebih tinggi sedikit (2.77) daripada pelajar perempuan (2.67). Kedua-dua gender mempunyai tahap tekanan sosi emosi yang sederhana. Manakala tekanan sosio-emosi kaum Melayu dan Cina berada pada tahap yang sama (2.83), iaitu tahap sederhana, diikuti kaum India (2.29) dan lain-lain kaum (2.62).

Jadual 4: Pebandingan Min Tekanan Sosio-Emosi PPB di Pusat PERMATA pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia

Profil	Jantina			Kaum		
	L	P	M	C	I	Lain-lain
	n 88	n 106	n 165	n 15	n 4	n 10
Tekanan Sosio-emosi	2.77	2.67	2.83	2.83	2.29	2.62
	.582	.548	.527	.582	.656	2.96

5.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan kebanyakan PPB mempunyai tahap tekanan sosio-emosi tahap sederhana dan rendah, namun wujud keadaan PPB yang mengalami tekanan sosio-emosi tahap tinggi. Daripada sepuluh komponen tekanan sosio-emosi yang dikaji, pengukuran mengikut

ranking menunjukkan PPB mengalami tekanan yang tinggi dalam lima isu; iaitu dari aspek keadilan sosial, kesempurnaan atau *perfectionist*, kebimbangan, penangguhan / *procrastinate*, motivasi, diikuti dengan tekanan emosi, konsep sendiri, sosial, *underachiever*, dan tekanan hubungan keluarga. Dapatan ini sejajar dengan kajian terdahulu tentang isu sosio-emosi PPB oleh Versteynen (2013), Rosadah (2003), Robinson (2006), Abu Yazid dan Aliza (2009), dan Aliza dan Hamidah (2009).

Hasil kajian lepas menyarankan supaya aspek pengurusan sosio-emosi PPB diberi perhatian kerana ketidakselarasan di antara perkembangan kognitif dengan perkembangan komponen psikologi yang lain terutama emosi dan sosial boleh mengakibatkan PPB mengalami tekanan dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran atau penyesuaian dalam hubungan sosial (Clark, 1992 dan Silverman, 1994). Hal ini disebabkan oleh semakin tinggi tahap IQ (kecerdasan intelek) PPB, semakin tinggi risiko untuk mereka terdedah pada masalah penyesuaian sosial dan emosi (Hollingworth, 1942; Jihad Turki dan Lama Majed Al-Qaisy, 2012). Implikasi dapatan kajian ini menunjukkan program pendidikan PPB memerlukan perkhidmatan sokongan kaunseling psikologi yang teguh dengan kepakaran yang kompeten bagi membantu PPB menghadapi isu-isu psikologi, yang sememangnya sinonim dengan persekitaran hidup PPB. Hal ini bertujuan supaya isu-isu psikologi yang dialami tidak menjadi penghalang dalam usaha membangunkan perkembangan potensi PPB ke tahap maksimum.

Memandangkan aspek kesejahteraan psikologi adalah kritikal dalam memacu kecemerlangan PPB, maka program perkhidmatan bimbingan kaunseling psikologi perlu mengambilkira aspek pembangunan holistik yang mencakupi keseluruhan aspek jati diri peribadi. Kajian lepas ada mengaitkan aspek jati diri atau identiti dengan isu-isu psikologi sosio-emosi dalam kalangan PPB (Bailey, 2007; Versteynen, 2013; Silverman, 1987; Tannenbaum, 1983; Neihart, Reis, Robinson, & Moon, 2002; Grossberg & Cornell, 1988; Neihart, 1999; Roedell, 1986). Hasil kajian lepas telah menunjukkan semakin tinggi tahap jati diri PPB, semakin rendah tekanan sosio-emosi yang dialami, dan sebaliknya semakin rendah tahap jati diri, semakin tinggi tekanan sosio-emosi. Dapatan ini memberi gambaran akan pentingnya program pembinaan jati diri peribadi dalam membantu PPB mengurus tekanan sosio-emosi yang dialami. Kemantapan jati diri merupakan pemangkin yang kuat dalam membantu individu untuk bangkit menghadapi situasi tekanan.

Selain daripada memperkasa program dan aktiviti pembangunan peribadi yang holistik oleh unit bimbingan kaunseling psikologi, implikasi dapatan ini turut menunjukkan keperluan memperkasa pedagogi pendidikan pembangunan jati diri untuk PPB. Kaedah pembelajaran dan pengajaran subjek ini perlu dipelbagai dan diperkemas. Perancangan yang baik dengan memperkayakan pengalaman

pembelajaran di luar bilik darjah secara kreatif menerusi kaedah *experiential dan meaningful learning* boleh menyumbang kepada pembinaan daya tahan yang tinggi. Pendekatan pembelajaran perlu diikuti dengan latihan amalan refleksi. Amalan refleksi secara mendalam dapat membantu PPB membuat renungan sendiri dalam memahami makna di sebalik tekanan yang dialami. Kemampuan memaknakan pengalaman yang dilalui akan dapat memimpin celik akal kematangan jati diri yang seterusnya dapat membantu PPB dalam membina kekuatan dalaman untuk menangani isu-isu sosio-emosi yang dialami.

6.0 CADANGAN

Pembangunan sendiri PPB merupakan proses yang berterusan. Pendidikan yang berunsur membangunkan nilai-nilai kemanusiaan dan kemahiran mengurus emosi adalah penting dalam program pendidikan PPB bagi menjamin kesejahteraan dalaman. Justeru, proses membina kualiti dalaman yang teguh dan membentuk keperibadian yang holistik, perlu dirancang dalam kurikulum pembangunan sendiri atau menerusi kursus pembangunan jati diri. Perancangan yang teliti dengan mengambilkira pelbagai komponen seperti aspek emosi, jasmani, rohani, intelek, dan sosial amat perlu diberi penekanan bagi menghasilkan PPB yang seimbang, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi menyerlahkan kualiti kepintaran yang dimiliki, PPB perlu dibekalkan dengan kemahiran membina kecekapan mengurus emosi (EQ). Hal ini bertujuan supaya PPB mencapai kesejahteraan diri dan mengurus isu psikologi yang dialami.

RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak, (2016). *Pendidikan pintar dan berbakat di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Abdullah Hassan, (2009). Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Jati Diri Dengan Rempuhan Globalisasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Kemanusiaan* 16 59–81. [http://web.usm.my/kajh/kajh%2016/KAJH%204%20Abdullah%20\(59-81\)A\[1\].pdf](http://web.usm.my/kajh/kajh%2016/KAJH%204%20Abdullah%20(59-81)A[1].pdf).
- Bailey, C. L. (2007). *Social and emotional needs of gifted students: What school counselors need to know to most effectively serve this diverse student population*. Paper based on a program presented at the Association for Counselor Education and Supervision Conference, Columbus, OH.
- Bevan-Brown, J.M. (2009). Identifying and providing for gifted and talented Māori students. *APEX*, 15(4), 6-20. Retrieved online from [http://www.giftedchildren.org.nz/apex/ Identifying and Providing for Gifted and Talented Māori Students](http://www.giftedchildren.org.nz/apex/Identifying_and_Providing_for_Gifted_and_Talented_Māori_Students)
- Bishop, W. & Reichert, N. (n.d.). *Conferencing*. Retrieved April 14, 2008, from <http://writing.fsu.edu/?q=book/export/html/591>
- Clark, B. (1992). *Growing up gifted: Developing the potential of children at home and at school*. NY:Macmillan.
- Erikson, E. (1968). *Identity, Youth, and Crisis*. New York: Norton.
- Gardner, H. (1993). *Frame of mind: The theory of multiple intelligences* (10th ed.) New York: Basic Books.
- Granitz, N. & Loewy, D. (2007). Applying ethical theories: Interpreting and responding to student plagiarism. *Journal of Business Ethics*, 72(3), 293-306.
- Gross, M.U.M. (1989). The pursuit of excellence or the search for intimacy? The forced choice dilemma of gifted youth. *Roeper Review*, 11(4), 189-194.
- Gross, M.U.M. (1998). The “Me” behind the mask: Intellectually Gifted Students and the Search for identity. Retrieved December 2015 <http://senggifted.org/archives/articles/the-me-behind-the-mask-intellectually-gifted-students-and-the-search-for-identity#sthash.LuZRnBuU.dpuf>.
- Grossberg, L.N., & Cornell, D.G. (1988). Relationship between personality adjustment and high intelligence: Terman versus Hollingworth. *Exceptional Children*, 55, 266-272.
- Ho Chui Chui. (2006a). Are undergraduates able to identify instances of plagiarism? *Journal of Language Studies*, 2(1), 55-62.

- Ho Chui Chui (2006b). English Prime: A pedagogical tool in teaching writing to law matriculation students in Kedah, Malaysia. *Reflections on English Language Teaching*, 5(2), 123-127.
- Hollingsworth, L. (1942). *Children above 180 IQ*. Stanford Binet. New York: World Book.
- Ismail Ibrahim. (2010b). 1Malaysia: pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari (hlm. 3-20). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaret, C. & Reitzes, D. C. (2009). Currents in a stream: college student identities and ethnic identities and their relationship with self-esteem, efficacy, and grade point average in an urban university. *Social Science Quarterly*, 90(2), 346-367.
- Jihad Turki, & Lama Majed Al-Qaisy (2012). Adjustment problems and self-efficacy among gifted students in Salt Pioneer Center. *International Journal of Education Sciences*, 4(1): 1-6.
- Keen, D. (2005). Talent in the new millennium: A two-year research study of gifted education. *International Education Journal*, 6(2), 206-217.
- Kirby, A., & Townsend, M. (2001). Conversations with accelerated and non-accelerated gifted students. *APEX: The New Zealand Journal of Gifted Education*, 14(1), 1-7.
- Lester, J.D. & Lester, J., Jr. (2005). *Writing research papers: A complete guide* (11th ed.). New York: Pearson/Longman.
- Lim, V. & See, S. (2001). Attitudes toward, and intentions to report, academic cheating among students in Singapore. *Ethics & Behavior*, 11(3), 261-274.
- Lovecky, D. V. (1992). Exploring Social and Emotional Aspects of Giftedness in Children
Author. Citation Reprinted with permission from Roper Review. 15(1) 1825.
- McCabe, D.L. (2001). Cheating: Why students do it and how we can help them stop. *American Educator*, 25(4), 38-43.
- McCabe, D.L. (2005). Cheating among college and university students: A North American perspective. *International Journal for Educational Integrity*, 1(1). Retrieved June 12, 2008, from <http://www.ojs.unisa.edu.au/index.php/IJEI/article/viewFile/14/9>.
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid dan Samsilah Roslan. (2011). Hubungan faktor-faktor sosial dengan penghayatan nilai murni pelajar: Satu dapatan awal. Prosiding 16th International Conference on Education.
- Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir; Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal; Shamsul, Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi; Noralina Omar, Mujahid Abu Bakar. (2012). Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 67- 78. Retrieved: www.Ukm.My/Jhadhari.
- Neihart, M. (1999). The impact of giftedness on psychological well-being: What does the empirical literature say? *Roper Review*, 22(1), 10-17.

- Neihart, M., Reis, S.M., Robinson, N. M., & Moon, S.M. (2002). The social and emotional development of gifted children: What Do We Know?. Edited by National Association of Gifted Children. Prufrock Press, Inc.
- Roedell, W.C. (1986). Socioemotional vulnerabilities of young gifted children. *Journal of Children in Contemporary Society*, 18 (3-4), 17-29.
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Azizah Mohd Zahidi. (2015). Leadership Characteristic Among Gifted and Talented Students at Malaysia National Gifted Center. *International Journal of Scientific Research*. Volume : 4, Issue 8.
- Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak, & Melor Md Yunus. (2009). Kepintaran dan pintar cerdas berbakat: Definisi dan makna. Dalam PERMATApinta Negara: Pengalaman UKM. Pusat PERMATApintar Negara. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Scott, M. T. (2012). Socio-Emotional and Psychological Issues and Needs of Gifted African-American Students: Culture Matters. *Interdisciplinary Journal of Teaching and Learning* Volume 2, (1) Spring.
- Silverman, LK. (1987). Applying knowledge about social development to the counselling process with gifted adolescence.' in T.M. Buescher (ed.). Understanding Gifted and talented Adolescents (pp. 40-44). Evanston, IL: Center for Talented Development.
- Silverman, LK. (1994). The moral sensitivity of gifted children and the evolution of society. *Roeper Review*, 17(2), 110-116.
- Simonton, D. K. (2005). Giftedness and Genetics: The Emergent Epigenetic Model and Its Implications. *Journal for the Education of the Gifted*. Vol. 28, No. 3/4, 2005, pp. 270–286. Copyright ©2005 The Association for the Gifted, Reston, VA 20191-1589.
- Sternberg, R. J. (1985). *Beyond IQ: A triarchic theory of human intelligence*. New York: Cambridge University Press.
- Steinberg, L. (1985). Adolescence. New York. Retrieved: <http://sengifted.Org/archives/articles/the-me-behind-the-mask-intellectually-gifted-students-and-the-search-for-identity>.
- Tan Chee-Beng. (2000). Ethnic identities and national identities: some examples from Malaysia. *Identities*, 6(4), 441-480.
- Tannenbaum, A.J. (1983). Gifted children: Psychological and educational perspectives. New York: Macmillan.
- Tartakovsky, E. (2009). National identity of high-school adolescents in an era of socio-economic change: Russia and Ukraine in the Post-Perestroika period. *Journal of Youth and Adolescence*, 39. DOI: 10.1007/s10964-010-9509-6.
- Teo Kok Seong. (2010). Melahirkan Warga Berjiwa Satu Malaysia Melalui Satu Bahasa

<http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=511>.

- Teo Kok Seong (2013). [Membentuk jati diri kebangsaan dalam PPPM](#): Dasar mampu merangsang perasaan kebersamaan, kesetiaan kepada negara. Berita Harian 2 Oktober. Retrieved: <http://tmsabli.tumblr.com/post/62950818943/membentuk-jati-diri-kebangsaan-dalam-pppm>.
- Teo Kok Seong, (2006). Kerancuan dalam Bahasa Melayu dlm. *Jurnal Bahasa*, 6:4, hlm. 697-712, 2006.
- Thomas M. B. & Richard, P. L. (2002). *Understanding early adolescent self and identity: Application and Intervention*. State University of New York. Albany.
- Versteynen, L. (2013). Issues in the social and emotional adjustment of gifted children: What does the literature say?. *The New Zealand Journal of Gifted Education*. Vo.13 (1).
- Wan Muhamad, S. A. A. (2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari (hlm. 85-96). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.